

**IRSYAD HUKUM (PANDUAN HUKUM) BIL. 28**  
**WAHDAH AL-WUJUD DALAM KITAB HIDAYAH AL-SALIKIN**

Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak telah memperaku keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak Kali Ke-229 yang bersidang pada 23 hingga 25 Safar 1444H bersamaan 20 hingga 22 September 2022M sebagai Irsyad Hukum (Panduan Hukum) mengenai *Wahdah Al-Wujud* Dalam Kitab Hidayah Al-Salikin. Jawatankuasa berpandangan bahawa konsep *Wahdah al-Wujud* adalah merupakan:

1. Keesaan yang wujud pada tahap *munazzahah* (*transcendent oneness of existence*);
2. Wujud Allah adalah wujud yang hakiki manakala wujud selain Allah adalah wujud *wahmi* atau *majazi* sahaja;
3. Tidak melihat yang wujud melainkan Yang Satu.

Jawatankuasa berpandangan bahawa konsep *Wahdah al-Wujud* adalah jelas berbeza dengan beberapa istilah lain yang sering dihubungkaitkan dengannya seperti *Wahdah al-Mutlaqah*, *al-Hulul* (*panteisme*) dan *al-Ittihad* (*panenteisme*).

Jawatankuasa berpandangan bahawa tiada perbahasan secara khusus berkaitan *Wahdah al-Wujud* dalam Hidayah al-Salikin yang berasaskan kepada beberapa penelitian:

1. Perakuan guru yang mengajar karya ini;
2. Kitab ini adalah untuk golongan *mubtadi'* bukan *muntahi* sedangkan *Wahdah al-Wujud* adalah bagi golongan *muntahi*;
3. Syeikh Wan Saghir tidak membincangkan *Wahdah al-Wujud* ketika mempertahankan kitab ini dari tohmahan dan serangan.

Oleh itu, penggunaan istilah *Wahdah al-Wujud* tidak boleh mempunyai elemen-elemen berikut:

1. Mengungkapkan kenyataan bersatu dengan Tuhan;
2. Mengungkapkan kenyataan sebagai Tuhan;
3. Tiada beza antara Tuhan dan makhluk;
4. Alam suatu yang qadim;
5. Semua agama adalah sama kerana berasal dari sumber yang sama.

Kesimpulannya, Jawatankuasa memperaku bahawa tiada elemen *Wahdah al-Wujud* dalam kitab Hidayah al-Salikin.

Tarikh : 28 September 2022  
No. fail : MN.Pk.A351.IST/05/9 JLD.9

Saya yang menjalankan amanah



(Dato' Haji Wan Zahidi bin Wan Teh)  
Mufti Negeri Perak Darul Ridzuan